

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	26 FEBRUARY 2015

## Perniagaan hijau mampu jana RM22.4b KDNK

BH-26/2/2015

**Putrajaya:** Perniagaan hijau yang berteraskan produk dan perkhidmatan mesra alam mampu menyumbangkan RM22.4 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2020 dan RM60 bilion menjelang 2030.

Ia mampu dicapai jika komitmen jitu yang melampaui amalan perniagaan biasa digunakan, berbanding penjanaan RM12.7 bilion (pada 2020) dan RM27.9 bilion (2030) jika berlandaskan amalan perniagaan, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, komitmen berterusan kepada perniagaan hijau yang merangkumi lima sektor utama ekonomi, iaitu tenaga, pengangkutan, bangunan, sisa dan air juga dijangka meningkatkan peluang pekerjaan hijau kepada 144,590 pada 2020 dan 211,500 pada 2030.

### Sediakan dasar kondusif

“Saya yakin sektor teknologi hijau di Malaysia dapat menjadi pemangkin ke arah pembangunan ekonomi hijau yang

mapan, bukan sahaja dari aspek keseimbangan alam sekitar, malah sosial.

“Untuk memastikan pertumbuhan yang menggalakan, kerajaan harus menyediakan dasar kondusif dalam pembangunan teknologi hijau,” katanya ketika ucapan sebelum mempengerusikan Mesyuarat Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Bil 1/2015, di Perdana Putra, di sini, semalam.

Najib berkata, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan

Air menyediakan Pelan Induk Teknologi Hijau yang turut dibentangkan pada mesyuarat berkenaan dan berharap dapat dilaksanakan dengan kerjasama serta komitmen semua pihak berkepentingan.

Perdana Menteri turut mengingatkan bahawa perubahan iklim dan pemanasan global tidak boleh lagi dipandang remeh justeru, penting bagi kerajaan berusaha merangka agenda pembangunan teknologi hijau bagi menangani masalah berkenaan.